

**ANALISIS TEMATIK PERANAN IBU TERHADAP PEMBENTUKAN SPIRITUAL ANAK BERDASARKAN HADIS SAHIH AL-BUKHARI**

Mawaddah Abd Manan

Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +601111279122, Email: [mawaddahmanan97@gmail.com](mailto:mawaddahmanan97@gmail.com)

Norzulaili Mohd Ghazali (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60193822617, Email: [norzulaili@usim.edu.my](mailto:norzulaili@usim.edu.my)

Zulhilmi Mohd Nor

Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60067986733, Email: [zulhilmi@usim.edu.my](mailto:zulhilmi@usim.edu.my)

Robiatul Adawiyah Mohd

Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +0192605430 Email: [adawiyah@usim.edu.my](mailto:adawiyah@usim.edu.my)

**ABSTRAK**

Pembentukan spiritual anak adalah dasar pembinaan jati diri yang perlu diterapkan ketika anak masih kecil. Kemasukan unsur luar disebabkan ketidakbatasan penggunaan internet pada hari ini menatijahkan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam masyarakat. Hal ini berlaku kerana kerapuhan sahsiah diri dan penerapan spiritual yang lemah dalam kalangan ahli keluarga. Justeru, ia menjadi cabaran dan tanggungjawab kepada institusi kekeluargaan terutamanya ibu untuk memantapkan spiritual anak seperti yang diajarkan oleh Nabi SAW. Oleh itu, kajian yang akan dijalankan ini bertujuan untuk mengekstrak hadis daripada Sahih al-Bukhari berkaitan peranan ibu dalam membentuk spiritual terhadap anak dan menjelaskan temanya berdasarkan pemahaman hadis. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis tematik induktif. Bagi tujuan pengekstrakan hadis, kajian ini menggunakan Teori Medan Makna (SFT) bagi perkataan *mar'ah*. Hadis-hadis yang terpilih akan ditakhrij untuk melihat maksud hadis dalam skop yang lebih luas. Hasil kajian menunjukkan bahawa ibu berperanan melakukan penyerahan dan kepercayaan, menyemai akidah serta melatih anak melakukan ibadah. Tuntasnya, pembentukan spiritual dalam diri anak-anak berpandukan hadis Nabi SAW dapat memantapkan jiwa anak seterusnya menjadikan mereka insan yang bertakwa dan memiliki jati diri.

**Kata Kunci:** Tematik, Hadis, Peranan Ibu, Pembentukan, Spiritual Anak.

**Pendahuluan**

Pembentukan spiritual anak merupakan aspek utama yang perlu diterapkan dalam kehidupan mereka. Ini kerana, ia akan mempengaruhi aspek lain seperti akhlak, sosial, intelektual dan

lain-lain. Sebagaimana yang dibuktikan oleh Cut Irhamna (2021), salah satu sebab kejatuhan moral anak dalam era teknologi kini ialah kelemahan pendidikan spiritual anak dalam keluarga. Sehubungan dengan itu, pembentukan sahsiah anak dan keluarga terletak di atas bahu ibu kerana ibu ditugaskan mengurus keluarga dan orang yang paling hampir dengan anak-anak. Seperti sabda Nabi SAW:

والمرأة راعية على أهل بيت زوجها وولده وهي مسئولة عنهم (رواه البخاري)

Terjemahan: “Seorang perempuan pemimpin rumah suaminya dan anak-anaknya dan dia bertanggungjawab ke atas mereka” (al-Bukhari, 2001)

Al-Quran dan hadis merupakan panduan yang sempurna (*syumul*) dalam setiap aspek kehidupan muslim. Nabi Muhammad SAW merupakan insan yang *maksum* dan paling mulia akhlaknya perlu dijadikan contoh ikutan dalam mendidik anak. Terdapat banyak hadis yang difahami secara tekstual terkandung pelbagai pengajaran dan pendidikan yang boleh diikuti oleh ibu dalam mendidik spiritual anaknya. Apatah lagi jika hadis-hadis ini difahami secara kontekstual, sudah tentu pelbagai pendekatan boleh diterapkan dalam pendidikan anak-anak. Justeru, kajian ini akan membincangkan tema peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak.

### **Peranan Ibu**

Dalam Islam, ibu merupakan insan yang wajib didahului dan ditaati kerana perit jerihnya mengandung dan melahirkan (Hamka, 2022). Keterlibatan ibu dalam keluarga diketengahkan oleh Dewi dan Putri (2020) serta Zubaedi (2019) ialah melahirkan, menyusu, menjaga kesihatan anak, mengajar mengenai kebersihan dan menyediakan makanan bernutrisi. Begitu juga, peranan ibu dalam keluarga sentiasa dikaji kerana ibu dan keluarga merupakan tempat pertama pembentukan seorang insan. Keterlibatan ibu pada permulaan abad ke-20 bukan hanya berperanan sebagai seorang suri rumah sahaja bahkan insan digelar ibu ini juga terlibat dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi dan sebagainya (Noor, 2020). Selain daripada itu, Ergun (2018) dan Ismail & Brahimi (2019) berpendapat, tugas ibu adalah memupuk semangat nasionalisme seperti cintakan tanah air, membentuk perlakuan anak mengikut tradisi, adat dan adab serta membina intelektualnya mengikut fikrah Islam tanpa pengaruh barat.

Peranan Ibu dalam keluarga juga banyak dikaji daripada perspektif al-Quran dan hadis. Menurut Ubaidillah (2019) pembentukan keluarga dalam Islam menjadikan pendidikan agama sebagai dasar bagi anak-anak menempuhi kehidupan dunia. Manakala kajian yang dilakukan oleh Salehizadeh dan Abbasi (2021) membuktikan kasih sayang yang dianjurkan oleh al-Quran dan hadis sangat memberi kesan terhadap kesihatan mental, pergaulan dan akhlak anak. Adapun, kajian-kajian mengenai peranan ibu berdasarkan perspektif hadis menyatakan bahawa ibu bertanggungjawab terhadap perkembangan anak merangkumi aspek psikologi, spiritual, akhlak, intelektual dan sosial (Padilah, 2021; Fauziyah, 2019).

Kajian ini akan memberi fokus kepada salah satu bentuk tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh ibu dalam membentuk spiritual anak berdasarkan pendekatan yang diajar oleh Baginda SAW. Hadis-hadis daripada kitab sahih al-Al-Bukhari yang mengandungi perkataan *mar'ah* akan diekstrak. Hanya hadis yang berkaitan dengan skop kajian akan dipilih. Kemudian hadis-hadis tersebut akan melalui proses takhrij, sebelum dianalisis dengan lebih lanjut bagi tujuan untuk merungkai temanya.

## **Spiritual dan Kepentingan Pembentukannya**


Dalam Islam, konsep spiritual melibatkan hubungan langsung dengan Allah SWT iaitu tauhid (suriani et al, 2017). Al-Ghazali mengemukakan bahawa pembentukan spiritual seseorang melibatkan elemen hati, roh, jiwa dan akal (suriani et al, 2017). Dalam pada itu, elemen pembentukan spiritual tersebut yang akan dihadirkan dalam pendidikan roh dan penyucian jiwa yang merupakan proses pendidikan sepanjang hayat (Mohd Suhari & Mohd Farid, 2018). Pada pendapat Tajulashikin dan Nor Faizah (2014), elemen-elemen tersebutlah yang akan menghasilkan tingkah laku seseorang. Manakala, menurut Davic, maksud spiritual sukar untuk dikaitkan dengan pengertian agama kerana ia merujuk tingkah laku yang membentuk karakter seseorang (Emie, 2019). Ini kerana, spiritual pada pandangan barat adalah terasing daripada agama (Emie, 2019). Konsep spiritual dalam Islam lebih tepat kerana jika konsep spiritual dipisahkan daripada agama ia akan membawa keuntungan di dunia sahaja sedangkan matlamat kehidupan muslim adalah di dunia dan akhirat (Tajulashikin & Nor Faizah, 2014).

Di sini dapat difahami bahawa aspek spiritual merupakan asas pembentukan kepada aspek-aspek lain dalam kehidupan manusia. Disebabkan itu, Allah mengutuskan para nabi sebagai contoh teladan, menyampaikan perkara makruf serta memberi peringatan terhadap perkara mungkar supaya jati diri muslim yang teguh akan terbentuk (Tajulashikin & Nor Faizah, 2014). Mohd Fuad et al. (2017) mengatakan bahawa pembentukan rohani yang teguh dalam diri seseorang dapat menguatkan jiwa seseorang dalam menghadapi ujian dan cabaran dalam kehidupan. Tambahnya, rohani baik atau buruk dapat dilihat pada seseorang berdasarkan akhlaknya. Selain itu, pembentukan spiritual berpandukan Islam yang berasaskan akidah dan keimanan dapat membentuk ibadah dan ubudiyah dalam semua tindakan dan pekerjaan seseorang (Mohd Fuad et al. 2017). Menurut Rudi (2011), pembentukan rohani dapat menjauhkan diri daripada perasaan negatif dan melindungi diri daripada kecenderungan syahwat. Pendidikan rohani juga dapat menumbuhkan keimanan terhadap al-Quran, malaikat, hari kiamat, qadak dan qadar serta perasaan cinta terhadap Rasul (Rudi, 2011).

Tuntasnya, seseorang muslim perlu memiliki spiritual yang teguh dalam mengharungi cabaran dan *fitnah* kehidupan. Justeru, pembentukan spiritual perlulah dibentuk pada awal usia supaya keteguhannya dapat dicapai ketika meningkat dewasa. Pembentukan jati diri yang kukuh ketika dewasa adalah hasil daripada pembentukan spiritual yang berlandaskan al-Quran dan hadis. Oleh itu, ibu sebagai sekolah pertama anak perlu menyampaikan dan memastikan anak-anak menerima pendidikan ini.

## **Metode Kajian**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tema peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak berdasarkan hadis sahih al-Bukhari. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan metod tematik induktif. Metod kajian adalah seperti berikut:



Rajah 1: Metod Kajian

### Pengumpulan Data

#### Pengekstrakan hadis

Untuk mengekstrak hadis, kajian ini menggunakan Teori Medan Makna (SFT) bagi perkataan 'mar'ah' (wanita). Berdasarkan SFT, pengekstarakan hadis bukan hanya melibatkan hadis yang mengandungi perkataan *mar'ah* sahaja tetapi sinonim, antonim, hipenim dan meronim perkataan tersebut juga akan digunakan. Hasil carian mendapati sebanyak 92 perkataan yang berkaitan dengan perkataan 'mar'ah'. Berikutnya, dengan menggunakan 92 perkataan tersebut, pencarian hadis sahih al-Bukhari dengan menggunakan *software* maktabah Syamilah dilakukan. Pencarian hadis berdasarkan 92 perkataan tersebut juga merangkumi perkataan *mufrad, muthanna, jami', ma'rifah, nakirah, muzakar, dan dhomir*. Hasil pencarian tersebut, sebanyak 1311 hadis dijumpai dan dikumpulkan. Antara SFT perkataan *mar'ah* dan jumlah hadis yang diekstrak daripada perkataan-perkataan tersebut adalah seperti jadual 1 di bawah:

No	Perkataan	Sinonim/ Antonim/ Hypenim/ Meronym	Jumlah Hadis	Pengulangan Hadis
1	Mar'ah	Lafaz induk	405	213
2	Untha	Sinonim	7	4
3	Tabarruj	Hipenim	0	0
4	'Aurah	Meronim	0	0
5	Ikhtilath	Meronim	1	1
6	Halilah	Hipenim	4	3
7	'Arusah	Hipenim	0	0
8	Ba'lah	Hipenim	0	0
9	Qai'dah	Hipenim	0	0

**Jadual 1: Jumlah Hadis Berdasarkan SFT Perkataan *Mar'ah*****Analisis Data****Mengenal Pasti Hadis Berkaitan Peranan Ibu**

Bagi mengenal pasti peranan ibu dalam pembentukan spiritual anak berdasarkan hadis-hadis yang telah diekstrak, kajian terlebih dahulu mengenal pasti peranan ibu secara umum dengan merujuk makna tekstual hadis-hadis tersebut menerusi terjemahan sahih al-Bukhari. Daripada jumlah 1311 hadis hanya 26 hadis sahaja tanpa berulang yang berkaitan dengan peranan ibu.

**Proses Takhrij Hadis Daripada Kutub Sittah**

Seterusnya ialah proses mentakhrij 26 hadis induk yang dikenal pasti dalam sahih al-Bukhari. Proses *Takhrij* hadis ini melibatkan proses keberadaan 26 hadis ini dalam *kutub sittah*. Proses *takhrij* ini penting kerana terdapat periwayatan yang berbeza dalam bab-bab yang berbeza. Selepas *takhrij* bagi 26 hadis asal dilakukan dalam *kutub sittah*, kajian ini menemui sebanyak 149 hadis peranan ibu. Tujuan takhrij hadis dilakukan adalah untuk meluaskan makna sesuatu hadis.

**Analisis Makna Konteks Peranan Ibu Terhadap Pembentukan Spiritual Anak**

Fasa seterusnya, kajian ini merujuk *kutub syuruh* (kitab penerangan hadis) seperti *Fathul bari*, *'Umdatul Qari'*, *Irsyad Sari* dan lain-lain kitab berkaitan hadis. Kaedah ini dilakukan adalah untuk mengetahui maksud hadis yang lebih terperinci. Daripada 26 hadis peranan ibu secara umum, hanya 3 hadis yang berkaitan dengan peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak.

**Analisis Tematik Hadis Peranan Ibu**

Setelah memahami maksud hadis, kajian ini membentuk tema peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak. Kaedah tema yang dibentuk daripada konteks maksud hadis ialah kaedah induktif. Pembinaan tema adalah untuk menjelaskan dan memberi makna ke atas hadis-hadis yang berkaitan dengan sesuatu aspek secara ringkas.

**Dapatan Kajian**


Sebelum membahaskan tema peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak, kajian ini akan menjelaskan terlebih dahulu hasil kajian berdasarkan metod yang dijelaskan pada perbincangan yang lepas. Dapatan kajian adalah seperti berikut:

Bil Hadis	SFT Perkataan mar'ah	SFT	No. Hadis	Kitab	Hadis (awal matan)
Hadis 1	Um	Hipenim	3436	Kitab ahadith	كان في بني إسرائيل رجل يقال له جريج ،

				anbiya'	كان يصلي ، فجاءته أمه فدعته
Hadis 2	Bint	Antonim	98	Kitab al-'ilm	عن الربيع بنت معوذ، قالت: أرسل النبي صلى الله عليه وسلم غداة عاشوراء إلى قرى الأنصار: «من أصبح مفطرا، فليتم بقية يومه
Hadis 3	Um	Hipenim	1358	Kitab al-jana'iz	يصلي على كل مولود متوفى، وإن كان لغية، من أجل أنه ولد على فطرة الإسلام، يدعي أبواه الإسلام، أو أبوه خاصة، وإن كانت أمه على غير الإسلام

**Jadual 2: Hadis peranan Ibu terhadap pembentukan spiritual anak dalam Sahih al-Al-Bukhari**

Seperti yang dijelaskan pada metod kajian, hadis peranan ibu secara umum dikenal pasti sebanyak 26 hadis dalam Sahih al-Bukhari berdasarkan SFT perkataan mar'ah. Walaubagaimanapun, kajian ini mengenal pasti hanya 3 hadis berkaitan peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak (seperti yang tertera pada jadual 1). Hadis-hadis yang dikenal pasti hanyalah berdasarkan perkataan *umm* dan *bint*.



**Rajah 2: Takhrij Hadis Peranan Ibu Terhadap Pembentukan Spiritual Anak Berdasarkan Kutub Sittah**

Berdasarkan hadis yang dipilih daripada sahih al-Bukhari berkaitan peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak, kajian ini seterusnya melaksanakan *takhrij hadis*. Jadual 2 menunjukkan hampir semua kitab meriwayatkan hadis ke-3 melainkan sunan Ibn Majah dan sunan Nasa'i. Manakala, hadis pertama dan kedua diriwayatkan oleh dua kitab sahaja iaitu Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Melalui rajah 2, Sahih al-Bukhari merupakan kitab yang

paling banyak meriwayatkan hadis berkaitan peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak iaitu sebanyak 6 hadis. Diikuti dengan Sahih Muslim, Sunan Abu Daud dan Sunan al-Tirmidzi yang masing-masing mengeluarkan sebanyak 5, 2 dan 1 hadis. Adapun, Sunan Ibn Majah dan Sunan Nasa'i tidak meriwayatkan satu pun daripada ketiga-tiga hadis tersebut. Justeru, jumlah keseluruhan hadis tersebut ialah 14 hadis.

Bil	Kutub Sittah						Huraian	Tema
	Sahih Al-Bukhari	Sahih Muslim	Sunan Al-Tirmidzi	Sunan Abu Daud	Sunan Ibn Majah	Sunan Nasa'i		
Hadis 1	1	1					Mendoakan yang terbaik untuk anak	Penyerahan dan kepercayaan
Hadis 2	1	2					Memantau dan mendidik anak ibadah sunat	Pelatihan Ibadah
Hadis 3	4	2	1	2			Mengajar anak tentang kebenaran	Penerapan akidah
<b>Jumlah hadis: 14 hadis</b>								

**Jadual 3: Analisis tematik peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak**

Jadual 3 menjelaskan apakah aspek yang perlu diberi perhatian oleh ibu dalam pembentukan spiritual anak berdasarkan kefahaman kontekstual hadis. Hadis pertama dan ke-2 menjelaskan keterlibatan ibu dalam berdoa dan melatih anak melakukan ibadah sunat. Manakala, hadis ke-3, menerangkan berkaitan tanggungjawab ibu dalam mendedahkan kebenaran kepada anak. Hasil pemahaman huraian hadis-hadis tersebut, kajian ini mengkategorikan hadis-hadis tersebut kepada 3 tema dalam pembentukan spiritual anak iaitu pelatihan ibadah, penyerahan dan kepercayaan serta penyemaian akidah.

### Perbincangan

Dalam membincangkan hasil kajian dan menjelaskan tema hadis peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak, kajian ini hanya mengemukakan hanya satu riwayat bagi setiap hadis. Adapun, pemahaman yang lebih luas disimpulkan daripada riwayat-riwayat bagi setiap hadis yang ditakhrij.

### Peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak

#### *Penerapan Akidah*

قال النبي صلى الله عليه وسلم: «ما من مولود إلا يولد على الفطرة، فأبواه يهودانه أو ينصرانه، أو يمجسانه، كما تنتج البهيمة بهيمة جمعاء، هل تحسون فيها من جدعاء»، ثم يقول أبو هريرة رضي الله عنه: {فطرة الله التي فطر الناس عليها} [الروم: 30] الآية .

Terjemahan: “Sesungguhnya Nabi SAW bersabda: tidak ada seorang anak yang lahir melainkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua orang tuanya yang menjadikannya yahudi, nasrani atau majusi. Seperti haiwan yang menghasilkan haiwan yang sempurna, apakah kamu mendapati adanya kekurangan? Kemudian Abu Hurairah berkata: “firman Allah SWT: Allah telah menciptakan manusia menurut fitrah itu” (Ar-Rum :30). (al-Bukhari, 2001; Muslim,

1955; al-Tirmidzi, 1975& Abu Daud: 2009)

Sebahagian ulama memahami fitrah dalam hadis ini bermaksud agama berdasarkan dalil Al-Quran (Al-Khiābi, 1988):

فَظَرَّتْ اللَّهُ الَّتِي فَظَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ

Terjemahan: “(mengikut) fitrah Allah, iaitu agama yang Allah ciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu”. (Ar-Rum: 30)

Fitrah dalam hadis ini difahami dengan pelbagai maksud antaranya: 1) pengakuan mengetahui Allah SWT, 2) seseorang itu kufur atau iman, 3) Islam dan khusus kepada mukmin sahaja, 4) permulaan dalam kehidupann sama ada kebahagiaan atau kesengsaraan dan 5) ia bermaksud Islam (Amal, n.d). Adapun, fitrah bermaksud Islam difahami oleh ramai ahli takwil.

Berdasarkan riwayat lain, ulama berbeza pendapat dalam hukum solat terhadap kanak-kanak yang meninggal. Ibn Hajar (2002) dan Zainuddin (2005) berpendapat anak-anak hasil zina tetap disolat apabila meninggal kerana mengikut status ibunya. Begitu juga, disolatkan bagi anak yang ayahnya muslim tetapi ibunya bukan muslim. Manakala, Sa’id bin Jabir berpendapat anak yang baru lahir tidak disolat sehingga dia baligh. Sementara jumhur ulama menghukumkan solat ke atasnya apabila dia lahir dan mengeluarkan suara (Ibn Hajar, 2002). Hadis ini juga membincangkan fitrah setiap orang yang dilahir. Urutan penyebutan yahudi, nasrani dalam hadis ini bukanlah zat dan tabiat anak yang dilahirkan tetapi untuk menyatakan kekufuran disebabkan oleh unsur luar (Ibn Hajar, 2002).

Menurut Hammad bin Maslamah, hadis ini bermaksud ketika Allah SWT mengambil perjanjian dan penyaksian ke atas makhluknya semasa mereka di tulang sulbi nenek moyang mereka (Syaibani, 1997). Manakala, MaDharuddin (2012), Lasyin (2002) dan Syaukani (n.d) berpendapat hadis ini bermaksud setiap orang yang lahir bersedia menerima Islam, taat kepadanya dan melakukan kebaikan. Kemudian ayahnya mengajarnya Yahudi jika ayahnya seorang Yahudi begitu juga jika ayahnya menganuti agama lain. Tambahnya, hal ini kerana jiwa manusia diciptakan untuk menerima apa yang dipamerkan kepadanya dari segi kepercayaan, perbuatan dan perkataan.

Berdasarkan huraian di atas, difahami bahawa ibu bapa perlu membiasakan anak-anak mengingati keagungan dan nikmat Allah SWT dan mengajar mereka agar tidak mempersekutukan-Nya. Ibu juga mestilah bertegas dengan anak-anak jika mereka cenderung terhadap perkara-perkara yang bertentangan dengan agama (Al-Nahlawi, 2007).

Turut difahami juga, ibu bertanggungjawab dalam menerapkan akidah Islam dalam diri anak. Penyemaian akidah anak merangkumi rukun iman, rukun Islam dan syariah (Ulwan, 1992). Sabda Nabi SAW:

يا غلام، إني أعلمك الكلمات: احفظ الله يحفظك، احفظ الله تجده تجاهك (رواه الترمذي)

Terjemahan: “Wahai budak! Aku berpesan kepadamu beberapa perkara: jagalah Allah, nescaya Dia akan menjagamu, jagalah Allah, nescaya Dia akan selalu berada di hadapanmu”. (Al-Tirmidzi, 1975)

Hadis ini mengisyaratkan bahawa dengan melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan menjauhi larangannya, akan dipelihara akidah daripada berbolak dan menjauhkan diri daripada kesesatan (Mustafa & Muhyidin, 2007). Berdasarkan maksud tersebut, ibu perlu memastikan anak-anak mentaati perintah Allah dan menjauhi larangannya dalam menyemai dan mengukuhkan akidah anak-anak.



Begitu juga, firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka”. (At-Tahrim:6)

Dhahhak dan Maqatil menjelaskan, ayat ini terkandung hak muslim dalam mendidik keluarganya mengenai apa yang diperintah dan dilarang oleh Allah SWT. Manakala Mujahid berpendapat, maksud ayat ini ialah menasihatkan keluarga untuk bertakwa kepada Allah SWT (Ibn Kathir, 1997). Justeru, ibu merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mengurus anak-anak, mestilah mendidik anak-anaknya melakukan ketaatan kepada Allah SWT kerana ia dapat menjauhkan keluarga daripada api neraka.

### *Penyerahan dan Kepercayaan*

النبي - صلى الله عليه وسلم - قال: لم يتكلم في المهد إلا ثلاثة عيسى، وكان في بني إسرائيل رجل يقال له جريج، كان يصلي، فجاءته أمه فدعته، فقال أجيبها أو أصلي. فقالت اللهم لا تمته حتى تربيه وجوه المومسات. وكان جريج في صومعته، فتعرضت له امرأة وكلمته فأبى، فأنت راعيا، فأمكتته من نفسها فولدت غلاما، فقالت من جريج. فأتوه فكسروا صومعته، وأنزلوه وسبوه، فتوضأ وصلى ثم أتى الغلام فقال من أبوك يا غلام....

Terjemahan: “Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda: tiada yang bercakap dalam buaian melainkan 3 orang iaitu Isa, dalam Bani Israil terdapat seorang lelaki bernama Juraij, beliau sedang lalu datang ibunya dan memanggilnya. Maka dia berkata: menjawab seruan ibuku atau solatku. Ibunya berkata: Ya Allah janganlah engkau matikan dia sebelum dia melihat perempuan pelacur. Adapun Juraij duduk di tempat ibadahnya. Tiba-tiba seorang wanita datang kepadanya dan menggodanya lalu Juraij menolak. Maka wanita itu mendatangi seorang pengembala dan menyerahkan diri kepadanya. Kemudian dia melahirkan anak lalu berkata: anak itu dari Juraij. Orang-orang datang kepada Juraij dan menghancurkan tempat ibadahnya. Mereka menurunkannya dan mencaci makinya. Juraij berwudhuk, solat lalu datang kepada bayi tersebut dan berkata: siapa ayahmu wahai anak kecil? Anak itu berkata: “si pengembala”. Mereka berkata: kami akan bangunkan tempat ibadahnya dari emas. Juraij menjawab: tidak, bahkan tanah liat. Pernah pula seorang wanita dari bani Israil sedang menyusui anaknya. Tiba-tiba lalu seorang lelaki menaiki kenderaan dan berketerampilan. Ibu itu berkata: “ya Allah, jadikanlah anakku sepertinya. Anak yang disusui itu melepaskan puting ibunya dan menghadap kepada lelaki tersebut dan berkata: “ya Allah, janganlah engkau jadikan aku sepertinya. Kemudian dia mengisap kembali. Abu Hurairah berkata: aku melihat Nabi SAW seolah-olah baginda mengisap jarinya. Setelah itu, lalu seorang hamba wanita, ibunya berkata: “ya Allah, jangan jadikan anakku seperti wanita tersebut”. Anak itu melepaskan puting dan berkata: “ya Allah, jadikanlah aku sepertinya”. Ibu tersebut bertanya: “mengapa pula begitu?”. Anak itu menjawab: “lelaki adalah seorang yang zalim di antara orang-orang yang zalim. Sedangkan hamba wanita itu mereka katakan kepadanya: engkau telah mencuri, engkau telah berzina, padahal dia tidak melakukannya”. (al-Bukhari, 2001 & Muslim, 1955)

Hadis ini menjelaskan tentang tiga orang yang boleh bercakap ketika masih dalam buaian iaitu Nabi Isa AS, Juraij dan bayi yang sedang menyusui (Badruddin, n.d). Walaubagaimanapun, terdapat pelbagai riwayat mengenai bilangan bayi yang boleh bercakap ketika masih bayi seperti dalam riwayat Ahmad, Barraz, al-Hakim, Ibn Hibban dan Kasyaf menyatakan yang boleh bercakap ketika masih dalam buaian adalah 4 orang (Badruddin, n.d, Al-Karmani, 1981 & Ibnu Hajar, 2002). Begitu juga, Syihabuddin (2002) dan al-Syarbini (1868) membahaskan

dalam kitabnya seramai 7 orang yang boleh bercakap ketika bayi iaitu 3 orang seperti dinukil dalam hadis ini, saksi Yusuf AS, anak Masyitah, anak dalam kisah Ukhdud dan Yahya AS (Syihabuddin, 2002, Al-Syarbini, 1868). Menurut Kawrani (2008), “لا” (had) dalam hadis tersebut merujuk kepada bani Israil sahaja kerana tiga orang tersebut daripada kalangan mereka dan tambahnya kanak-kanak yang lain tidak bercakap ketika dalam buaian. Pada pendapat Lasyin (2002), buaian yang dimaksudkan di sini ialah bayi yang bercakap ketika berada di sisi ibunya dan sedang menyusu. Adapun, hal Juraij bercakap ketika solat, Ibnu Hajar (2002) berkata kemungkinan Juraij bercakap dalam hati tetapi kemungkinan juga beliau bertutur kerana bercakap ketika solat diharuskan dalam syariat mereka (Badrudin, n.d & Ibnu Hajar, 2002).

Selain itu, hadis ini mengandungi keutamaan menjawab seruan ibu ketika solat sunat kerana menjawab seruan ibu adalah wajib dan tidak boleh diabaikan untuk perkara sunat. Sebahagian golongan mazhab Syafi’ e berpegang pada zahir hadis mengenai keharusan berhenti solat untuk menjawab panggilan sama ada ketika solat fardu atau sunat (Badrudin, n.d). Pada pendapat Badruddin (n.d), ketika solat sunat wajib menjawab panggilan ibu bapa jika mengetahui akan menyakiti mereka. Lasyin berkata: jika bertindan antara hak Allah dan hak ibu bapa, syariah mengutamakan hak ibu bapa terlebih dahulu kerana dalam hak kedua mereka terdapat hak Allah (Lasyin, 2002, p620). Dalam hadis ini juga terkandung pentingnya mentaati ibu bapa dan menjawab panggilan mereka. Selain itu, dalam syariat bani Israil, perempuan boleh membenarkan apa yang diungkapkan (tuduhan berzina) terhadap lelaki dan didatangkan bersama anak. Manakala, lelaki tidak ada kuasa dalam menolak kenyataan itu melainkan hujah yang menolak kata-katanya (Badrudin, n.d).

Ibnu Hajar (2002) menyatakan meskipun Ibu Juraij sangat marah, dia tidak mendoakan keburukan yang melampaui bagi anaknya. Jika bukan kerana lemah lembut dan kasih sayang pasti dia akan mendoakan keburukan terhadap anaknya atau membunuh anaknya. Hadis ini juga menyingkapkan tabiat wanita yang mendahulukan kebaikan untuk anaknya kerana wanita dalam kisah ini meminta kebaikan dan memohon perlindungan daripada keburukan untuk anaknya tanpa menyebut-nyebut dirinya (Ibnu Hajar, 2002, Lasyin, 2002). Berdasarkan hadis ini, peranan ibu terhadap spiritual anaknya ialah sentiasa mendoakan kebaikan kepadanya. Hal ini kerana doa ibu adalah doa mustajab dan ibu perlu mengawal diri daripada mendoakan keburukan buat anak (Abd Razzaq, 2020), seperti sabda Nabi SAW: “tiga doa yang mustajab tanpa ragu padanya: doa ibu bapa, pemusafir dan orang dizalimi (diriwayatkan Abu Daud dalam sunannya). Doa juga merupakan tempat pergantungan, pengharapan dan penyerahan hamba sesuatu kepada Allah.

Justeru, ibu perlu sentiasa mendoakan anak sama ada sebelum atau sesudah anak dilahirkan. Adapun, doa sebelum anak dilahirkan adalah doa agar dikurniakan keturunan yang baik seperti doa para nabi. Manakala, setelah mereka lahir ibu digalakkan untuk mendoakan petunjuk, kebaikan dan ketetapan dalam beragama buat anaknya (Abd Razzaq, 2020). Seperti firman Allah SWT tentang isteri Imran:

إِذْ قَالَتِ امْرَأَتُ عِمْرَانَ رَبِّ إِنِّي نَدَرْتُ لَكَ مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّي إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ٣٥ فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنْثَىٰ ٣٦ وَإِنِّي أَعِيدُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ٣٦

Terjemhan: “Ketika isteri Imran berkata: tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepadaMu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (dari segala urusan dunia),

maka terimalah nazarku; sesungguhnya engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.... dan bahawasanya aku telah menamakannya Maryam, dan aku mohon perlindungan-Mu untuknya dan zuriat keturunannya daripada gangguan syaitan yang terkutuk”. (Al-Imran: 35-36)

Al-maturidi (2005) berkata berdasarkan ayat ini, ibu yang ingin dikurniakan anak wajib berdoa seperti doanya ibu Maryam. Ini kerana, hasil doa dengan keyakinan dan pengharapan tersebut, Maryam dibesarkan dan didamping dengan orang soleh iaitu Nabi Zakariya AS. Dengan jagaan Nabi Zakaria, Maryam diajar tentang kebaikan, ilmu dan agama (Ibn Kathir, 1997). Natiujahnya, Maryam menjadi seorang yang terbaik daripada kalangan wanita kerana ketaatannya terhadap Allah dan kewarakannya diwarisi oleh anaknya nabi Isa AS. Di sini dapat difahami, doa seorang ibu sangat penting terhadap hidup anaknya di dunia dan di akhirat. Dengan doa tersebut juga, hidup anaknya diberkati sehingga keturunan yang berikutnya.

#### *Pelatihan Ibadah*

عن الربيع بنت معوذ، قالت: أرسل النبي صلى الله عليه وسلم غداة عاشوراء إلى قرى الأنصار: «من أصبح مفطرا، فليتم بقية يومه ومن أصبح صائما، فليصم»، قالت: فكنا نصومه بعد، ونصوم صبياننا، ونجعل لهم اللعبة من العهن، فإذا بكى أحدهم على الطعام أعطيناه ذلك حتى يكون عند الإفطار

Terjemahan: “Ar-Rubayyi’ binti Mu’awwidh meriwayatkan bahawa Nabi SAW mengirim utusan pada pagi Asyura ke mukim Ansar. ‘barangsiapa di pagi hari tidak berpuasa maka hendaklah dia menyempurnakan sisa harinya dengan berpuasa dan barangsiapa pada pagi dalam keadaan puasa, maka hendaklah dia meneruskan puasa”. Rubayyi’ berkata: “maka setelah itu kami berpuasa dan menyuruh anak-anak untuk berpuasa dan kami membuat mainan dari bulu. Apabila di antara mereka menangis minta makan, maka kami berikan mainan itu kepadanya sehingga datang waktu berbuka”. (al-Bukhari, 2001 & Muslim, 1955)

Pada pendapat Lasyin (2002), puasa Asyura ialah puasa yang diwajibkan kepada umat sebelum umat nabi Muhammad SAW. Setelah hadis ini diucapkan para sahabat melaziminya malah turut mengajar anak-anak mereka dan menyibukkan anak-anak mereka dengan permainan daripada bulu untuk mengelakkan mereka daripada meminta makanan (Lasyin, 2002). Jumhur berkata: adapun solat diajar ketika anak berusia 7 tahun dan memukul mereka pada umur 10 tahun jika enggan melakukannya, tetapi berbeza dengan puasa, mereka berpendapat tidak perlu mengarahkan anak. Adapun, terdapat pendapat yang mengatakan wajib keatas mereka berpuasa jika mampu. Walaubagaimanapun, pendapat tersebut berselisih dengan hadis (Abu Abbas, 1996, p196):

رفع القلم عن ثلاثة: عن الصبي حتى يبلغ، وعن المجنون حتى يفيق، وعن النائم حتى يستيقظ (رواه أبو داود)

Terjemahan: “Diangkatkan pena ke atas tiga golongan: kanak-kanak sehingga baligh, orang gila sehingga sedar dan orang tidur sehingga terjaga” (Abu Daud: 2009).

Ulama bersepakat kanak-kanak tidak diwajibkan berpuasa melainkan telah mencapai usia baligh. Ramai ulama berpendapat harus untuk melatih anak berpuasa agar mereka terbiasa dan memudahkan mereka melakukannya ketika baligh nanti. Daripada hadis difahami siapa yang melatih anaknya melakukan ketaatan kepada Allah SWT dengan melazimi syariatnya diberi ganjaran atas usahanya. Namun, mereka berselisih tentang masa mengarahkan anak berpuasa. Hasan, Ibn Sirin, ‘Urwah, ‘Atha’, Zuhri, Qatadah dan Syafie berpendapat: menyuruh mereka berpuasa apabila mereka mampu. Auza’i berkata: jika mereka mampu puasa 3 hari berturut-

turut, maka boleh mengarahkan mereka untuk berpuasa pada bulan Ramadan (Ibn Battal, 2003).

Berdasarkan penjelasan di atas, anak-anak tidak hanya dilatih melakukan solat sahaja, tetapi anak-anak juga perlu didedahkan dengan ibadah-ibadah lain pada awal usia. Dalam kajian psikologi membuktikan bahawa kanak-kanak sangat berpotensi menerima didikan, bimbingan dan pengajaran kerana tempoh kanak-kanak adalah tempoh perkembangan yang pantas (Talib, 2022). Menurut Ulwan (1992), dengan melatih anak melakukan ibadah sejak dari kecil mendatangkan banyak kesan positif pada dirinya. Kesan positif tersebut ialah mereka sudah memahami hukum ibadah apabila mencapai peringkat remaja dan akan terbiasa melakukan ibadah tersebut. Kebiasaan itu akan menjadikan diri mereka seorang yang taat kepada perintah-Nya dan akan bergantung segala sesuatu hanya kepada-Nya. Secara tidak langsung, ibadah-ibadah yang dilakukan akan menatijahkan roh yang suci, akhlak mulia dan baik dari segi perkataan dan perbuatan.

### **Kesimpulan**

Zahir sebahagian hadis di atas tidaklah dilihat menerangkan peranan ibu dalam pembentukan spiritual anak. Walaubagaimanapun, jika diteliti dan difahami penerangan hadis secara terperinci, terdapat kesesuaian hadis tersebut dengan peranan ibu terhadap spiritual anak. Peranan ibu dalam pembentukan spiritual anak dalam kajian ini merangkumi penyemaian akidah, kepercayaan dan pengharapan serta pelatihan ibadah. Walaupun di dalam hadis pelatihan ibadah mengkhususkan ibadah puasa sahaja, ini tidak bermakna hanya ibadah puasa yang perlu dilatih tetapi ibadah-ibadah lain juga perlu dititik beratkan oleh ibu terhadap anaknya. Begitu juga, dalam aspek penyemaian akidah dan pengharapan kepada Allah SWT. Hasil perbincangan kajian mendapati dengan pembentukan spiritual anak berlandaskan Islam akan membina dan melahirkan individu yang mempunyai jati diri yang teguh serta berjaya di dunia juga di akhirat. Kajian ini sangat terhad dalam mengemukakan hadis-hadis berkaitan pendidikan spiritual anak. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar meluaskan skop kajian terhadap hadis yang akan dipilih pada kajian akan datang. Setiap perbincangan dalam kajian ini diharap memberi manfaat kepada para ibu dan masyarakat umumnya.

### **Penghargaan**

Kertas kerja ini mendapat sokongan dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) - RGS/1/2020/SSI0/USIM/02/1 dengan tajuk “Model Baharu Pengekstrakan Makna Kontekstual Hadis Peranan Wanita Dalam Domain Kekeluargaan Berdasarkan Pendekatan Ontologi” dengan kerjasama Fakulti Pengajian dengan kerjasama dengan Fakulti Pengajian Al-Al-Quran dan Sunnah dan Universiti Sains Islam Malaysia.

### **Rujukan**

- Abd Razzaq bin Abd Al-Muhsin Al Badr. 2020. *Prinsip pendidikan anak-anak*. Selangor: karya PIS.
- Abu Abbas, Ahmad bin Umar. 1996. *Al-mafham lima asykal min talkhis kitab Muslim*. Beirut: DÉR Ibn Kathir.
- Abu Daud, Sulaiman bin al-Ash’ath. 2009. *Sunan Abi Daud*. Dar ar-Risalah al-‘Alamiah.
- Al-Bukhari, Abu ‘Abdullah. 2001. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Uauq an-Najah.
- Al-karmani, Syamsuddin. 1981. *Al-Kawakib Darari fi Syarah Sahih Bukhari*. Beirut: Dar Ihya Turath al-‘Arabi.

- Al-Khitabi, Abu Sulaiman. 1988. *A'lam al-hadith*. Jami'ah Umul Qura.
- Al-Maturidi, Muhammad bin Muhammad. 2005. *Tafsir al-Maturidi*. Lubnan: Dar Kutub ÑIlmiah. p357, v2.
- Al-Nahlawi, Abdurrahman. 2007. *Usul tarbiyah al-islamiyah wa asalibuha fa al-bait wa madrasah wa mujtami'*. DĒr fikr.
- Al-Syarbini. 1868. *Al-Siraj al-Munir fĒ al-I'annah 'ala ma'rifah ba'dh kalam rabbuna*. Kaherah: Matba'ah Bulaq.
- Al-Tirmidzi, Muhammad bin 'Isa. 1975. *Sunan al-Tirmidzi*. Mesir: Syarikah Maktabah wa matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Amal Abd ÑAziz. N.d. *al-alfaz wa mustalahat al-muta'aliqah bitauhid ar-rububiyah*. N.p.
- Badruddin. (n.d). *Umdatul Qari' Syarah Sahih Bukhari*. Beirut: Dar Ihya' Turath al-ÑArabi.
- Cut Irhamna, H. (2021). Manajemen Parenting Ibu Karir dalam Mewujudkan Pendidikan Spiritual Anak. *Al-Ilmu*, 6(2), 122–140. [https://www.researchgate.net/publication/269107473\\_What\\_is\\_governance/link/548173090cf22525dcb61443/download%0Ahttp://www.econ.upf.edu/~reynal/Civilwars\\_12December2010.pdf%0Ahttps://think-asia.org/handle/11540/8282%0Ahttps://www.jstor.org/stable/41857625](https://www.researchgate.net/publication/269107473_What_is_governance/link/548173090cf22525dcb61443/download%0Ahttp://www.econ.upf.edu/~reynal/Civilwars_12December2010.pdf%0Ahttps://think-asia.org/handle/11540/8282%0Ahttps://www.jstor.org/stable/41857625)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2022. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Access on 9 september 2022: <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Dewi, N. F. K., & Putri, D. R. (2020). Peranan Ibu Bekerja Dalam Menenamkan Kemandirian Anak Usia 4-5 Tahun. *Ceria: Jurnal Program Studi Pendidikan Anak Usia Dini*, 9(1), 12. <https://doi.org/10.31000/ceria.v12i1.2855>
- Emie Sylviana. 2019. Pembangunan Spiritual: Konsep dan Pendekatan dari Perspektif Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, v2, p64-87.
- Ergun, P. (2018). The Mothers Role in Lifelong Education. *Motif Akademi Halk Bilimi Dergisi*, 11(2018–2), 163–171. <https://doi.org/10.12981/motif.462>
- Fauziyah, Y. (2019). *Peran Ibu Terhadap Pendidikan Anak Dalam Islam Menurut Abdullah Nashih Ulwan* [Universiti Agama Islam Negeri Raden Intan Lampung]. <http://repository.radenintan.ac.id/7778/1/SKRIPSI.pdf>
- Ibn Battal, Abu hasan ÑAli. 2003. *Syarah Sahih al-Al-Bukhari li Ibn Battal*. Riyadh: Maktabah Rusyd.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail. 1997. *Tafsir Quran al-'Azim*. Lubnan: Dar Kutub ÑIlmiah. p36, v2)
- Ibn Roslan, Syihabuddin. 2016. *Syarah Sunan AbĒ Daud*. Fayyum: Dar al-falah lil bahth al-Ñilm wa tahqiq turath
- Ibnu Hajar. 2002. *Fathul Bari*. Indonesia: Pustaka Azzam.
- Ismail, H. D., & Brahimi, H. (2019). Khitabat Al-Quwwah Na'imah bil I'lam wa Dawr Al-Um fi Tahqiq Al-Aman Ats-Tsaqafi: Dirasah Tahliliah fi Al-Aliyat wa Al-Ab'ad. *Majalah Al-Qadisiyah Lil Ulum Al-Insaniyah*, 23(2), 95–108.
- Kawrani. 2008. *Al-kauthar al-Jari ila Riyadh Ahadith al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya Turath al-ÑArabi.
- Lasyin, Musa Syahin. 2002. *Fathul Mu'im syarah sahih Muslim*. Darul syuruq
- Lasyin, Musa Syahin. 2002. *Al-Minhal al-hadith fi syarah al-hadith*. Dar al-madar al-Islami.
- Mazharuddin, al-Husain bin Mahmud. 2012. *Al-Mafatih fi syarah al-masabih*. Kuwait: Dar Al-nawadir
- Mohd Fuad Othman, Mohd Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis dan Wan Nurul Syuhada'. 2017. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilazation (ACER-J)*, v1(1), p64-77.
- Mohd Suhari & Mohd Farid. 2018. Pembangunan Spiritual dalam Pelaksanaan Program Tarbih. *Afkar*, v20, no.2, p127-158.

- Muslim, Abu al-Hasain. 1955. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' Turath al-A'rabi.
- Mustafa, Bugha & Muhyuddin, Misto. 2007. *Al-wafi fi syarah al-arba'in Nawawiyah*. Beirut: Dar Kalam Toyyib.
- Padilah, N. (2021). *Urgensi parenting perspektif hadis*. <https://doi.org/10.31219/osf.io/ndq3c>, 1–20. <https://osf.io/ndq3c/>
- Rudi Ahmad Suryadi. 2011. Hadis Sumber Pemikiran Tujuan Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Agama Islam- Ta'lim*. V.9 (2), p161-185.
- Salehizadeh, M. I., & Abbasi, N. (2021). The Role of Parental Love in the Mental Health of Children from the Perspective of the Qur'an and Hadith. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 8(7), 752. <https://doi.org/10.18415/ijmmu.v8i7.2949>
- Suriani Sudi, Fariza Md Sham & Phayilah Yama. 2017. Kecerdasan Spiritual Menurut Perspektif Hadis. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, v2, n0.2, p1- 11.
- Syaibani, Yahya bin Muhammad. 1997. *Al-Ifsah 'an ma'ani Sihah*. Dar wañan.
- Syaukani, Muhammad bin Ali. n.d. *As-sail al-jarar mutadaffiq Ñala hada'iq al-azhar*. Dar Ibn Hazm.
- Syihabuddin. 2002. *Irsyad Sari*. Mesir: MathbaÑah Kubra al-Amiriah.
- Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah. 2014. Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual dari Perspektif Islam dan Barat: Satu Penilaian Semula. *Proceeding of the international conference on Arabic studies and Islamic Civilization*, Kuala Lumpur. p.656-666.
- Talib, Husain Rahmin. 2022. The Revitalization Of Early Childhood Education In The Perspective Of Hadith: The Role Of Family In The Fostering Of Islamic Characteristic Values In Early Childhood. *European Journal of Research Development and Sustainability (EJRDS)*, 3(6), p11-9.
- Ubaidillah, M. B. (2019). Pendidikan Islamic Parenting dalam Hadith Perintah Salat. *Jurnal Darussalam: Jurnal Pendidikan, Komunikasi Dan Pemikiran Hukum Islam*, 10(2), 349. <https://doi.org/10.30739/darussalam.v10i2.378>
- Ulwan, ÑAbdullah NaÑih. 1992. *Tarbiyah al-Aulad fi Islam*. Dar salam liÑabÉÑah wa nashr wa tauzÉÑ. p.157-160.
- Zainuddin, Zakaria bin Muhammad. 2005. *Minhah al-Bari bi syarah Sahih Bukhari*. Riyadh: Maktabah Ar-rusyð lilnasyr wa tauzi'.